

# Dapat mengurangkan kos sara hidup

**Kuala Lumpur:** Latihan praktikal yang diwajibkan oleh setiap pelajar sepatutnya menjadi pengalaman bekerja yang pertama dan menyeronokkan serta mampu memberikan banyak kemahiran baharu kepada mereka.

Setimpal dengan komitmen tinggi dan kesediaan untuk terus belajar, pelajar praktikal sepatutnya mendapat elaun atau insentif yang bersesuaian sebagai ganjaran kepada sumbangan kecil mereka dalam syarikat berkaitan.

Tidak dinafikan ada segelintir pengurusan syarikat berpendapat pelajar praktikal tidak sepatutnya menuntut bayaran elaun memandangkan syarikat sudah bersetuju menawarkan peluang untuk mereka menuntut ilmu, malah ada majikan yang enggan berbuat demikian kerana tidak berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan pelajar.

Meskipun begitu, mengambil kira pelbagai kos sara hidup yang perlu ditanggung pada hari ini adalah wajar pemberian elaun kepada pelajar praktikal bagi



Nur Aiman Nasimin

meringankan beban mereka sepanjang menjalani latihan.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Maryam Hassan yang kini menjalani latihan di The Pastels Shop, berkata latihan praktikal itu adalah saat penting kepada pelajar untuk merasai sendiri pengalaman sebenar dunia pekerjaan.

"Latihan praktikal itu menjadi peluang pertama kepada pelajar untuk mempraktikkan kema-

hiran yang ada dalam situasi kerja sebenar, justeru majikan perlu memberikan bayaran atas sumbangan mereka.

"Jangan mengambil kesempatan atas pelajar praktikal dengan memerah tenaga dan kemahiran mereka tanpa sebarang bayaran kerana seperti individu lain yang bekerja, pelajar juga perlu tanggung kos sara hidup termasuk pengangkutan dan makan minum," katanya.

Perkara berkenaan dipersetujui kembar Maryam iaitu Maisarah yang berpendapat bahawa elaun atau insentif yang diberikan majikan haruslah setimpal dengan apa yang pelajar berikan kepada syarikat.

"Pelajar praktikal ini tetap seorang pelajar dan sekiranya tidak mendapat sebarang elaun, sekurang-kurangnya majikan boleh memudahkan urusan mereka dengan menyediakan asrama atau elaun untuk makan dan minum," katanya.

Pelajar Diploma Keusahawan, Politeknik Metro Johor



**Maisarah bersama kembarnya Maryam (kanan) ketika menjalani latihan praktikal di The Pastels Shop.**

(Foto SAIRIEN NAFIS/BH)

Baru, Nur Aiman Nasimin yang menjalani latihan praktikal di Pontian, Johor turut sependapat dengan Maisarah supaya setiap bayaran yang diberikan perlu setimpal dengan sumbangan yang diberikan oleh pelajar.

"Sekarang saya mendapat elaun sebanyak RM300 sebulan. Bagi pelajar yang tidak mendapat elaun, sudah tentunya mereka berdepan kesukaran kerana tidak mempunyai sumber pendapatan

lain dan sekadar mengharapkan kepada pinjaman pendidikan atau biasiswa.

"Sewajarnya majikan pada hari ini memberikan elaun kepada pelajar praktikal untuk mengurangkan beban kos sara hidup sebagai pulangan kepada kerja dan idea yang dikongsikan untuk kemajuan syarikat tetapi pada masa sama, pelajar juga perlu menunjukkan prestasi cemerlang," katanya.